



---

(24) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.35

8 Jun 2011

## SIARAN MEDIA

### LANGKAH SEGERA MEMERANGI JENAYAH JALANAN

**KUALA LUMPUR, 08 JUN** - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Y.B. Dato' Wira Chor Chee Heung mengumumkan langkah-langkah segera Program Bandar Selamat bagi membantu Kerajaan memerangi Jenayah Jalanan di bandar-bandar di Kementeriannya pada hari ini.

Melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) NKRA Mengurangkan Jenayah, Kerajaan telah berjaya mengurangkan indeks jenayah keseluruhan sebanyak 15% dan indeks jenayah jalanan sebanyak 35% pada akhir Disember 2010. Manakala bagi tahun 2011, Kerajaan telah menetapkan pengurangan indeks jenayah keseluruhan 5% berbanding tahun 2010 dan indeks jenayah jalanan sebanyak 40% berbanding tahun 2009.

Bagi merealisasikan pencapaian ini, beberapa langkah keselamatan segera telah dikenal pasti di antaranya adalah;

#### **1. Pelaksanaan tiga (3) langkah segera Program Bandar Selamat**

Tiga (3) langkah segera yang tertumpu di 12 hotspot diperluaskan kepada 151 PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) termasuk Sabah dan Sarawak. 3 langkah segera adalah i) Pencahayaan ii) Pengasingan laluan pejalan kaki dan laluan bermotor iii) Cermin Keselamatan.

#### **2. Pengauditan Keselamatan ke atas Jejantas dan Laluan Bawah Tanah di 12 PBT**

Audit ke 12 hotspot PBT telah dijalankan selama 2 bulan iaitu pada Oktober dan November 2010. Pengauditan ini dijalankan bertujuan untuk menyemak keadaan persekitaran serta membaik pulih persekitaran fizikal jejantas bagi

mewujudkan suasana selamat kepada orang awam serta mengurangkan risiko berlakunya jenayah. Audit dijalankan ke atas i) Jejantas – yang terlindung dari pandangan awam seperti papan tanda iklan dan jalan, pokok, billboards, kain rentang dan reka bentuk jejantas serta kurang pencahayaan. ii) laluan Bawah Tanah (terowong pejalan kaki) – sunyi , terkepong, jauh dari pandangan awam, gelap dan tidak di selenggara. iii) Perhentian bas yang berhampiran jejantas – gelap. Hasil Kajian Audit mendapati:

Perkara yang diaudit	Bilangan
<b>1) Jejantas</b>	
a) Tidak tertutup	211
b) Tertutup	184
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>395</b>
<b>2) Laluan Bawah Tanah</b>	
a) Di selenggara dan terang	5
b) Tidak diselenggara dan gelap	1
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>6</b>
<b>3) Perhentian bas berdekatan Jejantas</b>	
a) Terang	129
b) Gelap	65
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>194</b>

Di antara tindakan-tindakan yang diambil oleh 12 hotspot PBT ini ialah membaik pulih, melakukan penyelenggaraan secara berkala dan menambah pencahayaan ke atas jejantas, laluan bawah tanah dan perhentian bas yang berdekatan dengan jejantas bagi mengelakkan jenayah di kawasan tersebut.

### 3. Pelaksanaan 496 CCTV di 25 buah PBT

Sebanyak 496 CCTV telah dan akan mula beroperasi di 25 buah PBT yang terpilih. Taburan pemasangan CCTV adalah seperti di bawah :

NEGERI	BIL PBT	CTV
Kedah	3	48
Pulau Pinang	2	48
Perak	2	40
Selangor	7	152
Negeri Sembilan	3	48
Melaka	1	24
Johor	4	88
Kelantan	1	16
Terengganu	1	16
Pahang	1	16
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>	<b>496</b>

Dalam mencapai salah satu daripada 6 bidang Keberhasilan Negara (NKRA) melalui Program Bandar Selamat langkah-langkah segera ini dilihat mampu mengurangkan indeks jenayah khususnya di kawasan PBT seluruh negara.

Program yang diwujudkan pada tahun 2004 atas arahan kabinet untuk mewujudkan bandar dan pekan yang selamat melibatkan kerjasama PDRM, NGO's dan lain-lain. Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dilantik sebagai agensi pelaksana bagi program ini dipertanggungjawabkan untuk mengaktifkan semula dan memperluaskan Program Bandar Selamat sedia ada kepada 151 PBT termasuk di negeri Sabah dan Sarawak.

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Pn. Jessylina Mat Lazim,  
Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-20956523  
Laman Web : <http://www.kpkt.gov.my>  
e-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)

---